



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

KENYATAAN MEDIA

KERAJAAN IKTIRAF KEPAKARAN TINGGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM

1. Kerajaan mengiktiraf dan menyokong kepakaran tinggi pegawai Perkhidmatan Awam di negara ini dalam usaha mengekal dan mengoptimumkan kepakaran dalam perkhidmatan awam serta mengurangkan pergantungan kepada kepakaran luar.
2. Dalam menyokong usaha ini secara berterusan, Jabatan Perkhidmatan Awam, selaku peneraju pengurusan sumber manusia yang terbesar di negara ini telah memperkenalkan program Inisiatif kemajuan kerjaya laluan Pakar Bidang Khusus (*Subject Matter Expert - SME*) pada tahun 2016 bertujuan mengiktiraf dan memperakukan kepakaran mereka.
3. Peluang peningkatan kerjaya tersebut diberikan kepada mereka yang memiliki keupayaan intelektual dan kepakaran yang tinggi, berpengalaman luas dalam bidang kepakaran serta menjadi sumber rujukan dalam dan luar organisasinya ke arah memastikan pengekalan bakat terbaik dan berkepakaran tinggi dalam perkhidmatan awam negara.

4. Bidang kepakaran di bawah inisiatif SME ditentukan mengikut hala tuju organisasi dan hala tuju negara. Sehingga 24 Julai 2020, sebanyak 70 bidang kepakaran telah dibangunkan dan 69 orang pegawai perkhidmatan awam persekutuan dari pelbagai skim perkhidmatan telah diiktiraf sebagai pakar bidang khusus.
5. Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang melepasi tapisan kepakaran yang ketat layak diiktiraf sebagai pegawai SME oleh Lembaga Kenaikan Pangkat (LKP) melalui pemangkuan/ kenaikan pangkat secara Khas Untuk Penyandang (KUP).
6. Pemindahan kepakaran pegawai SME dilaksanakan menerusi pelaksanaan penugasan khas SME (*SME Special Assignment – SSA*) yang merupakan syarat pengekalan dalam laluan SME dan kenaikan pangkat ke gred SME yang seterusnya. SSA bagi pegawai SME boleh berbentuk khidmat rundingan, penulisan ilmiah, kajian dan penyelidikan, *coaching and mentoring* atau projek khas yang dikenalpasti oleh Ketua Perkhidmatan.
7. Semenjak pelaksanaan inisiatif SME pada tahun 2016, pegawai SME telah berjaya memberikan penjimatan kepada Kerajaan dari segi kos khidmat rundingan kepakaran luar dan pembangunan kepakaran dalaman. Berdasarkan analisis Jabatan Perkhidmatan Awam terhadap impak pelaksanaan SSA oleh pegawai SME di JKR, Kerajaan pada tahun 2019 dapat menjimatkan kos dari segi khidmat rundingan, pelaksanaan projek dan program latihan dengan anggaran sebanyak RM19 juta.
8. Untuk makluman, Jabatan Kerja Raya (JKR) merupakan agensi pertama yang melaksanakan inisiatif SME selepas berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2016: Kemajuan Kerjaya Laluan Pakar Bidang Khusus bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan. Seramai 13 orang pegawai JKR diiktiraf sebagai SME pada 1 November 2018 dan pegawai-pegawai ini telah memberikan sumbangan yang signifikan kepada negara. Antaranya;

- a) Mengetuai pasukan teknikal khas yang bertanggungjawab untuk memberikan khidmat rundingan pakar untuk pengubahsuaian bangunan Malaysia Agriculture Exposition Park Serdang (MAEPS) sebagai Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19;
- b) Memberikan khidmat rundingan berkaitan *Value Management* (VM) bagi projek baru berimpak tinggi dan mengurangkan kebergantungan Kerajaan kepada Institute VM Malaysia atau juruperunding swasta. Menerusi kaedah VM yang dikendalikan oleh pegawai SME di JKR, kos perundingan dalam projek Pembesaran dan Menaiktaraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu, Kelantan dapat dijimatkan dengan anggaran sebanyak RM5.6 juta;
- c) Memberikan khidmat perundingan untuk penghasilan peruntukan kontrak baharu dan menjaga kepentingan Kerajaan bagi menggantikan kaedah secara Project Delivery Partner (PDP) untuk projek Lebuhraya Pan Borneo di Sabah dan Sarawak;
- d) Semakan dan kemaskini dokumen Malaysia Standard bagi Bitumen and Bituminous Products (WG/H/0-5) untuk kegunaan industri pembinaan jalan;
- e) Memberikan khidmat perundingan dalam Jawatankuasa Kerja 5G Kebangsaan bagi perancangan melibatkan fasiliti Kerajaan; dan
- f) Penghasilan teknologi baru dalam pembangunan jalan seperti penggunaan sisa plastik sebagai bahan tambah dalam turapan jalan.

9. Pihak JPA amat mengalu-alukan penglibatan Kementerian dan Jabatan untuk membangunkan lebih banyak bidang kepakaran yang bersifat strategik dan selaras dengan halatuju negara. Sehubungan itu, JPA akan menyokong dan membantu Kementerian dan Jabatan agar usaha ini dapat direalisasikan bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti sesebuah organisasi.
10. Harapan saya kepada pegawai yang mendapat pengiktirafan Pegawai SME, mereka perlu terus menyumbangkan kepakaran bukan sahaja dalam agensi berkhidmat, tetapi juga kepada agensi lain dan juga di peringkat antarabangsa.

Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
29 Julai 2020

#####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 29 Julai 2020

Tel : 03 - 8885 3096/ 3146

Emel : komunikasi@jpa.gov.my

No. Ruj. : JPA.100-9/1/2 (90)

MAKLUMAT TAMBAHAN

Falsafah pelaksanaan inisiatif SME adalah seperti berikut:

- i. Mengiktiraf, mengekal dan mengoptimumkan kepakaran dalam perkhidmatan awam;
- ii. Menambahbaik laluan kerjaya;
- iii. Membangunkan kepakaran dalaman;
- iv. Pemindahan kepakaran secara tersusun;
- v. Mengurangkan kebergantungan kepada kepakaran luar; dan
- vi. Meningkatkan motivasi pegawai pakar dalam perkhidmatan awam.